



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**RABU 12 JAN 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	VIOLATION OF FISHERIES ACT: 565 ARRESTS, 209 COMPLAINTS AS OF NOV 2021, HOME, BORNEO POST KUCHING-7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	JPV PROAKTIF SEKAT DEMAM BABI AFRIKA, LOKAL,HM-23	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	ASF : JPV HENTI OPERASI LADANG TANPA LESEN, DALAM NEGERI, UM-11	
4.	ASF BUKAN "ANCAMAN" PENDUDUK SEKITAR PAYA MENGKUANG, DALAM NEGERI, UM-11	
5.	VETERINAR NEGERI SEMBILAN PROAKTIF SEKAT DEMAM BABI AFRIKA, SH-ONLINE	
6.	FAMA SEDANG GIAT USAHA STABILKAN HARGA SAYUR,BH-ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
7.	FAMA EXPECTS VEGETABLES PRICES TO STABLISE IN ONE TO TWO MONTHS, MALAYSIA NEWS GAZETTE-ONLINE	
8.	FAMA EXPECT VEGETABLES PRICES TO DROP IN A MONTH OR TWO (NSTTV), MSN.COM-ONLINE	
9.	PENGUSAHA NANAS PROGRAM LPNM KELUAR DARIPADA B40, BH-ONLINE	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
10.	90 PERATUS PENGUSAHA NANAS KELUAR KATEGORI B40, SH-ONLINE	
11.	FARMERS TRANSPORT RABBITS 13 KM TO ENSURE THEIR SAFETY DURING MUAR FLOODS, NEWS, STAR METRO, THE STAR-5	LAIN-LAIN
12.	HANYA RM100 SEBAGAI MODAL, KINI GRADUAN UMK RAIH PULANGAN 5 ANGKA, BH-ONLINE	
13.	MALANG MENIMPA PETANI, KEBUN KELAPA, PISANG TIGA EKAR MUSNAH, UM-ONLINE	
14.	HIGH VEGETABLE PRICES TO CONTINUE, NATION, CHINA PRESS-A10	
15.	USAHAWAN PES TUMIS POPULAR DI SHOPEE, NEWS, SELANGOR KINI-1,17	
16.	TERNAK RUSA BERBALOI CEPAT MEMBIAK, LOKA, HM-23	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Violation of Fisheries Act: 565 arrests, 209 complaints as of Nov 2021		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	12 Jan 2022	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	7	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	136 cm <sup>2</sup>
Journalist	Bernama	AdValue	RM 927
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,782



## Violation of Fisheries Act: 565 arrests, 209 complaints as of Nov 2021

**PUTRAJAYA:** The Department of Fisheries (DOF) received 209 complaints and made 565 arrests for various infringements of the Fisheries Act 1985 as of November 2021.

The DOF said it had also disposed of 12 vessels and 5,156 confiscated items in accordance with the policies and guidelines of the Fisheries Act.

It said that throughout 2021, a total of 15 programmes were implemented by the

Resources Protection Division of the Fisheries Department headquarters to enforce the Fisheries Act 1985 and regulations under it as well as other related acts and enactments in the states.

"The DOF takes a serious view of activities that violate the Fisheries Act 1985. Through the State Fisheries offices, a monitoring, controlling and surveillance (MCS) programme has been implemented to

prevent irresponsible activities in the country's waters and inland area," it said in a statement yesterday.

The DOF also said that five arrests were made by the Resources Protection Division of Johor, Perak, Kedah and Penang on Jan 9 and 10.

On Jan 9, through the MCS programme in Johor, the Tampoi Resources Protection Division inspected a vessel about seven nautical miles from

Pantai Punggor in Batu Pahat before detaining it on suspicion of having committed an offence under Section 8(b) of the Fisheries Act 1985 for operating outside the permitted time of between 6am and 7pm.

"All the case items comprising the vessel, licence, trawl nets, towing boards and chains, GPS and a mixture of fish have been taken to the Batu Pahat Resources Protection Base

before being handed over to the DOF investigating officer for further action," it said.

The DOF also said that it detained a fishing vessel in the Pulau Sembilan waters at about 11.05am on Monday, for violating the Fisheries Act 1985 by carrying out fishing activities using trawl nets.

"It had committed an offence under Section 8(b) for using trawl nets less than eight

nautical miles from the shore or island and using three foreigners without the written permission of the director-general of the DOF.

The DOF added that the public could lodge complaints and any reports of misconduct from the public on activities that violated the Fisheries Act 1985 via the short messaging system (SMS) or call the FISHCOM Hotline at 03-88885019. — Bernama

# *JPV proaktif sekat Demam Babi Afrika*

**Seremban:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Sembilan mengambil langkah proaktif dan berjaga-jaga susulan penyakit Demam Babi Afrika (ASF) dilaporkan berlaku di 16 ladang komersial di Masjid Tanah, Melaka, baru-baru ini.

Pengarahnya Dr Redzuan Ibrahim berkata, tindakan itu untuk memastikan jangkitan itu tidak merebak ke ladang ternakan babi di negeri ini.

Beliau berkata, walaupun tiada kes berkenaan dikesan setakat ini, langkah proaktif diambil termasuk meningkatkan kawalan biosecuriti dengan mengenakan syarat pergerakan haiwan ketat dan kawalan sempadan dilakukan.

“Kami mengeluarkan notis menghentikan operasi kepada premis masih menternak tanpa lesen dan melakukan aktiviti penyerbelian babi secara tanpa kebenaran sah daripada pihak jabatan.

“Surat dan notis pemakluman berkaitan penularan penyakit ASF sudah

dikeluarkan kepada semua agensi kerajaan berkaitan selain penternak babi hutan, penjual dan restoran daging babi hutan dan premis berkaitan dengan industri babi.

“Hebahan dan khidmat nasihat ASF turut dilakukan kepada penternak babi berlesen dan tidak berlesen dalam menyekat penularan wabak berkenaan,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Dr Redzuan berkata, di negeri ini hanya terdapat sebuah ladang ternakan babi berlesen iaitu di Tam-pin manakala terdapat 23 ladang tanpa lesen dikenal pasti iaitu di sekitar Kam-pung Tanah Merah Site A dan Site C di Port Dickson.

Beliau berkata, pihak ja-batan mengeluarkan notis untuk menghentikan ope-rasi kepada semua premis ternakan babi tanpa lesen terbabit.

Dalam laporan media sebelum ini, JPV meng-esahkan penyakit ASF menjangkiti 16 ladang babi komersial di Paya Meng-kuang, Masjid Tanah, Melaka.

# ASF: JPV henti operasi ladang tanpa lesen

**SEREMBAN:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Sembilan meningkatkan kawalan biosecuriti di negeri ini dengan mengenakan syarat pergerakan haiwan yang ketat dan kawalan sempadan dilakukan bagi mencekat penularan Demam Babu Afrika (ASF).

Pengarannya, Dr. Redzuan Ibrahim berkata, langkah berjaga-jaga itu diambil susulan pengesanan penyakit ASF di 16 ladang komersial di Masjid Tanah, Melaka baru-baru ini.

Menurutnya, walaupun sehingga kini tiada kes penyakit ASF dilaporkan berlaku di negeri ini, langkah proaktif tersebut penting agar jangkitan tidak merebak ke ladang-ladang lain.

“JPV turut mengeluarkan notis berhenti operasi segera kepada premis yang masih ternak secara tanpa lesen.

“Kami turut mengeluarkan surat dan notis pemakluman berkaitan penularan penyakit ASF kepada semua agensi kerajaan, semua penternak babi hutan, semua penjual dan restoran daging babi hutan dan premis



LADANG ternakan babi tanpa lesen yang terdapat di Tanah Merah, Port Dickson.

out policy menerusi demusnah han babi ladang yang disahkan positif ASF.

Sehingga 7 Januari lalu, sejumlah 1,864 ekor ternakan babi yang disahkan positif ASF di kawasan Paya Mengkuang itu telah dimusnahkan. Reduan berkata, terdapat sebuah ladang ternakan babi berlesen berooperasi di Tampin manakala 23 lagi ladang tanpa lesen yang

telah dikenal pasti iaitu di sekitar Kampung Tanah Merah Site A dan Site C di Port Dickson.

“JPV mengeluarkan notis untuk berhenti operasi kepada semua premis ternakan babi tanpa lesen yang terlibat. Sehingga kini, sebanyak tiga pengusaha disaman di bawah Enakmen Mengawal Pemeliharaan Babu 1980 kerana melakukan aktiviti perternakan babi tanpa lesen,” katanya.

## ASF bukan 'ancaman' penduduk sekitar Paya Mengkuang

**ALOR GAJAH:** Wabak Demam Babi Afrika (ASF) yang menyerang ladang babi komersial di Paya Mengkuang, Masjid Tanah di sini tidak akan menjangkiti penduduk sekitar kerana ia bukanlah penyakit zoonotik.

Justeru, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani Melaka, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman berkata, orang ramai tidak perlu risau dengan perkara itu kerana penularan ASF di negeri ini adalah terkawal.

Bellau berkata, sehingga 8 Januari lalu, sebanyak 1,864 ekor ternakan babi dari ladang yang disahkan positif telah berjaya dimusnahkan.

Jelasnya, aktiviti pemantauan, pemeriksaan klinikal dan pensampelan di kesemua 35 ladang babi di Paya Mengkuang masih aktif dijalankan bagi mengesan jangkitan.

"Penyakit ASF bukanlah penyakit zoonotik iaitu penyakit yang tidak menjangkiti manusia. Ia hanya boleh menjangkiti babi yang ditemak atau babi hutan sahaja.

"Setakat ini, kejadian ASF di Melaka masih terkawal dan hanya berlaku di ladang babi komersial di Paya Mengkuang sahaja.

"Bagi mengawal dan mencegah perebakan penyakit ASF, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menjalankan *stamping out policy* melalui pemusnahan babi bagi ladang yang disahkan positif ASF," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, pada Disember 2021, JPV mengeksahkan lima ladang ternakan babi di Paya Mengkuang dijangkiti wabak ASF.

Perkara itu disahkan selepas bedah siasat ke atas bangkai babi dilakukan pada 18 Disember 2021.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
<b>12/1/2022</b>	<b>SINAR HARIAN</b>	<b>ONLINE</b>	

## VETERINAR NEGERI SEMBILAN PROAKTIF SEKAT DEMAM BABI AFRIKA

Oleh Mohd Amin Jalil - Januari 11, 2022 @ 2:01pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



*Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan.*

**SEREMBAN:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) mengambil langkah proaktif dan berjaga-jaga susulan pengesanan penyakit Demam Babi Afrika (ASF) yang dilaporkan di 16 ladang komersial di Masjid Tanah, Melaka, baru-baru ini.

Pengaruhnya, Dr Redzuan Ibrahim, berkata tindakan itu untuk memastikan jangkitan berkenaan tidak merebak ke ladang ternakan babi di negeri ini.

Walaupun sehingga kini tiada kes berkenaan dikesan, katanya, namun langkah proaktif diambil termasuk meningkatkan kawalan biosekuriti dengan mengenakan syarat pergerakan haiwan yang ketat dan kawalan sempadan.

"Kita juga sudah mengeluarkan notis menghentikan operasi kepada premis yang masih menternak tanpa lesen dan melakukan aktiviti penyembelihan babi secara tanpa kebenaran yang sah dari pihak jabatan.

"Surat dan notis pemakluman berkaitan penularan penyakit ASF juga sudah dikeluarkan kepada semua agensi kerajaan berkaitan, selain penternak babi hutan, penjual dan restoran daging babi hutan dan premis yang berkaitan dengan industri babi.

"Hebahan dan khidmat nasihat ASF turut dilakukan kepada penternak babi berlesen dan tidak berlesen, dalam menyekat penularan wabak berkenaan," katanya ketika dihubungi, di sini, hari ini.

Dalam laporan media sebelum ini, JPV mengesahkan penyakit ASF menjangkiti 16 ladang babi komersial di Paya Mengkuang, Masjid Tanah, Melaka.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Dr Norlizan Mohd Noor dilaporkan berkata, bagi mengawal dan mencegah rebakan penyakit ASF, JPV menguatkuasakan stamping out policy menerusi pemusnahan babi ladang yang disahkan positif ASF.

Sementara itu, Dr Redzuan berkata, hanya terdapat sebuah ladang ternakan babi berlesen di Tampin, manakala 23 ladang tanpa lesen dikenal pasti di sekitar Kampung Tanah Merah Site A dan Site C, di Port Dickson.

Beliau berkata, pihak jabatan mengeluarkan notis untuk menghentikan operasi kepada semua premis ternakan babi tanpa lesen yang terbabit.

"Sehingga kini, sebanyak tiga pengusaha disaman di bawah Enakmen Mengawal Pemeliharaan Babu 1980 kerana melakukan aktiviti penternakan babi tanpa lesen," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/1/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## FAMA SEDANG USAHA STABILKAN HARGA SAYUR

Oleh Nur Izzati Mohamad - Januari 10, 2022 @ 6:30pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Mohd Fasiah Mohd Fakeh (dua dari kiri) etika meninjau Pusat Operasi FAMA, Jalan Padang Lalang di sini. – Foto NSTP/Danial Saad

**BUKIT MERTAJAM:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) kini sedang berusaha menstabilkan harga sayur-sayuran supaya pengguna dapat kembali semula menikmatinya pada harga murah.

Ia susulan petani yang terjejas dengan bencana banjir dan berdepankekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat COVID-19 sudah memulakan projek penanaman pertanian mereka.

Pengerusi FAMA, Datuk Mohd Fasiah Mohd Fakeh, berkata pihaknya kini sedang berusaha dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memastikan harga barang khususnya sayur-sayuran kembali stabil.

"Kita ada pergi meninjau tempat banjir dan didapati harga barang memang sedikit tinggi. Ini disebabkan petani yang terjejas dengan banjir dan PKP akibat COVID-19 tidak dapat meneruskan projek penanaman pertanian mereka.

"Dalam pada itu, kita juga mendengar terdapat masalah pengangkutan dari luar negara yang menyukarkan bekalan tiba ke negara ini," katanya ketika mengadakan lawatan kerja di Kompleks Pengedaran FAMA di Padang Lalang, di sini, hari ini.

Jelasnya, petani yang berdepan masalah berikutan bencana banjir dan COVID-19 kini sudah memulakan proses tanaman yang mana jika semua dapat diatasi, termasuk isu pengangkutan dari luar negara maka harga barang termasuk sayur akan kembali stabil.

"Kita yakin harga akan kembali stabil dan turun beberapa bulan lagi kerana usaha sedang giat dijalankan," katanya.

Sementara itu, Mohd Fasiah berkata, FAMA melalui anak syarikatnya, FAMA Corporation Sdn Bhd (FAMACorp) dijangka memperluaskan lagi aktiviti perniagaan dengan meneroka cabang perniagaan yang lebih mencabar pada tahun ini.

Katanya, ia termasuk memanfaatkan sepenuhnya ruang yang terdapat di kompleks pengedaran, di sini dengan mewujudkan kemudahan bilik sejuk serta Pusat Teknologi Pembungkusan Retort melalui peruntukan sebanyak RM1.5 juta.

"Dengan adanya kemudahan ini, ia dapat membantu usahawan tempatan yang mempunyai akses pasaran eksport selain meningkatkan mutu pembungkusan dan pemprosesan aseptik yang diperbuat daripada pelbagai lapisan laminat fleksibel.

"Teknologi ini (pembungkusan retort) juga membenarkan pensterilan pelbagai jenis produk makanan dan minuman serta mampu meningkatkan kualiti dan jangka hayat produk," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
<b>12/1/2022</b>	<b>MALAYSIA NEWS GAZETTE</b>	<b>ONLINE</b>	

## FAMA EXPECTS VEGETABLE PRICES TO STABILISE IN ONE TO TWO MONTHS

January 10, 2022 Business & Finance 2 Views

**BUKIT MERTAJAM, Jan 10** — Vegetable prices are expected to stabilise in the next one to two months following various efforts carried out by the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) together with the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI).

FAMA chairman Datuk Mohd Fasiah Mohd Fakeh said the increase in vegetable prices was due to several factors such as transportation problems in producing countries as well as floods and unpredictable weather in the cultivation areas which caused supply shortages.

“Right now we (FAMA and MAFI) are taking various efforts to stabilise the price of vegetables and in one to two months it is likely that it will continue to go down,” he told reporters after visiting the Bukit Mertajam FAMA Distribution Complex here today.

Meanwhile, Mohd Fasiah said FAMA through its subsidiary, FAMA Corporation Sdn Bhd (FAMACorp) is expected to further expand its business activities by exploring more challenging business branches this year to help more entrepreneurs.

It includes making full use of the spaces available in the distribution complexes or operations centres, including in Bukit Mertajam, by creating cold room facilities and a Retort Packaging Technology Centre through an allocation of RM1.5 million.

“The facilities can help local entrepreneurs who have access to the export market as well as improve the quality of packaging and aseptic processing made from various layers of flexible laminate,” he said.

Source: BERNAMA News Agency

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/1/2022	MSN.COM	ONLINE	

## FAMA EXPECTS VEGETABLE PRICES TO DROP IN A MONTH OR TWO [NSTTV]



**BUKIT MERTAJAM:** The prices of vegetables are likely to see a drop within the next month or two following numerous efforts taken by the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama).

Fama chairman Datuk Mohd Fasiah Mohd Fakeh said, while vegetable prices have seen an increase in recent months owing to several factors, including the floods, they were expected to stabilise soon.

He said Fama was working with the Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI) on the matter.

"At Fama, we have been and will continue to take numerous measures to address the issue."

"We believe we can stabilise vegetable prices within the next few months ... possibly in a month or two," he told newsmen during a visit to the Fama distribution complex here today.

The Fama distribution complex operates actively and carries out business in a commercial manner by Fama Corporation Sdn Bhd.

Mohd Fasiah said farmers affected by the floods had started replanting their vegetables.

"With that, we can expect the vegetable prices to stabilise soon," he added.

Earlier, during his visit, Mohd Fasiah said FamaCorp had planned to expand its business by venturing into more challenging businesses by optimising existing spaces within the Fama distribution complex.

Among them was the allocation of RM1.5 million, which would soon be channelled to create a chiller room to help local entrepreneurs with access to export markets as well as the setting up of Pusat Teknologi Pembungkusan Retort.

© New Straits Times Press (M) Bhd

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/1/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## PENGUSAHA NANAS PROGRAM LPNM KELUAR DARIPADA B40

Januari 11, 2022 @ 7:20pm



*Dr Azman (dua, kanan) menyerahkan peralatan kepada pengusaha tanaman nanas, Mohd Zulfayri Mohd Zulkifli (kiri) pada majlis penyampaian Insentif Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Pengusaha Nanas di LPNM Terengganu. - Foto BERNAMA*

**SETIU:** Kajian Lembaga Pembangunan Nanas Malaysia (LPNM) mendapati 90 peratus pengusaha nanas hasil program LPNM, berjaya memperoleh purata pendapatan RM5,000 sebulan, sekali gus mengeluarkan mereka daripada kategori kumpulan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

Ketua Pengarah LPNM, Mohd Khairuzamri M Salleh, berkata data itu diperoleh daripada hasil kajian impak membabitkan 1,500 pengusaha nanas di seluruh negara.

"Setiap tahun, LPNM membangunkan 1,000 pengusaha nanas dan sepanjang tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), kita berjaya membangunkan 5,000 pengusaha tanaman itu.

"Sasaran untuk RMK12 pula ialah meningkatkan purata pendapatan pengusaha nanas daripada RM5,000 kepada RM8,000, meletakkan mereka dalam kumpulan M40," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas perasmian program penyampaian insentif Paket Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Pengusaha Nanas, yang disempurnakan oleh Pengurusi Jawatankuasa Pertanian Industri Makanan Perladangan Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr Azman Ibrahim di sini, hari ini.

PRE Prihatin Pengusaha Nanas adalah peruntukan tambahan kepada LPNM melalui Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI).

Ia disalurkan pada pertengahan 2020 bagi merangsang ekonomi sektor industri nanas disebabkan pandemik COVID-19.

Sebanyak RM13 juta telah disalurkan, memanfaatkan 5,000 orang yang terbabit dalam rantai industri nanas, merangkumi pekebun, pengangkut dan penjual, pengeksport, usahawan pemasar serta usahawan industri asas tani.

Sementara itu, Dr Azman berkata, sejumlah RM328,555 peruntukan PRE Prihatin disalurkan sehingga kini, membabitkan insentif bantuan dan peralatan seperti set mesin pam semburan serta insentif lori pengangkut.

"Bagi pembangunan tanaman nanas, Terengganu menerima peruntukan sebanyak RM1.5 juta di bawah skop Projek Pengukuhan Tanaman Nanas Bernilai Tinggi serta lain-lain peruntukan membabitkan ladang kontrak serta industri kecil dan sederhana," katanya. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/1/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

## 90 PERATUS PENGUSAHA NANAS KELUAR KATEGORI B40



Dr Azman (tiga dari kanan) menyampaikan geran bantuan berjumlah RM1.89 juta kepada wakil pengusaha tanaman nanas Terengganu, Mohd Rusdi Mamat (dua dari kiri) pada majlis penyampaian insentif Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Pengusaha Nanas di LPNM Terengganu, pada Selasa. - Foto Bernama

**SETIU** - Kajian Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) mendapati 90 peratus pengusaha nanas yang dilahirkan hasil program LPNM, berjaya memperoleh purata pendapatan RM5,000 sebulan, sekali gus mengeluarkan mereka daripada kategori kumpulan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

Ketua Pengarah LPNM, Mohd Khairuzamri M Salleh berkata, data itu diperoleh daripada hasil kajian impak melibatkan 1,500 pengusaha nanas, di seluruh negara.

"Setiap tahun, LPNM berjaya membangunkan 1,000 pengusaha nanas dan sepanjang tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), kita berjaya membangunkan 5,000 pengusaha tanaman itu.

“Sasaran untuk RMK12 pula ialah meningkatkan purata pendapatan pengusaha nanas daripada RM5,000 kepada RM8,000, untuk meletakkan mereka dalam kumpulan M40,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas perasmian program penyampaian insentif Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin Pengusaha Nanas, yang disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Industri Makanan Perladangan Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr Azman Ibrahim di sini, pada Selasa.

PRE Prihatin Pengusaha Nanas adalah satu peruntukan tambahan kepada LPNM melalui Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI), yang telah disalurkan pada pertengahan 2020 bagi merangsang ekonomi sektor industri nanas disebabkan pandemik Covid-19.

Sebanyak RM13 juta telah disalurkan, yang memanfaatkan 5,000 orang yang terlibat dalam rantai industri nanas, terdiri daripada pekebun, pengangkut dan penjual, pengeksport, usahawan pemasar serta usahawan industri asas tani.

Sementara itu, Dr Azman berkata, sebanyak RM328,555 peruntukan PRE Prihatin telah disalurkan sehingga kini melibatkan insentif bantuan dan peralatan seperti set mesin pam semburan serta insentif lori pengangkut.

“Bagi pembangunan tanaman nanas, Terengganu menerima peruntukan sebanyak RM1.5 juta di bawah skop Projek Pengukuhan Tanaman Nanas Bernilai Tinggi serta lain-lain peruntukan melibatkan ladang kontrak serta industri kecil dan sederhana,” katanya.-- Bernama

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkraf

# Farmer transports rabbits 13km to ensure their safety during Muar floods

A RABBIT farmer in Kampung Liang Batu, Lenga in Muar, Johor, had a lucky escape during the recent floods.

The cage behind his house where he kept 100 rabbits was flooded after Sungai Muar overflowed.

However, Shahrizan Mansor, 40, and his wife Norhafizah Hashim, 37, managed to save all the rabbits by moving them to his uncle's house in Felda Batu 27, about 13km away, using a three-tonne lorry at about 8pm on Jan 2.

"Since Dec 31, friends in Segamat had told me that Sungai Muar was at a dangerous level."

"The Fire and Rescue Department and the Malaysian Civil Defence Force had also issued warnings as my house is only 800m from the river."

"On Jan 2, water entered my yard and was at knee-level but fortunately, I had moved my rabbits earlier."

"Otherwise, I would have suffered losses of RM20,000 to RM30,000," he said when met at his residence.

Shahrizan said he had been rearing the rabbits, which consisted of breeds such as Holland Lop, Mix Teddy Bear, New Zealand White, Chinchilla and Angora, since the beginning of last year.

The father of two said Sungai Muar had been deepened under a flood mitigation programme and this might have prevented the villagers' houses from being inundated.

Norhafizah said that during the floods in 2011, the water level had risen rapidly too.

That time, crops around their house were damaged.

"Thankfully we were forewarned this time and managed to save all the rabbits," she said.

Muar recorded the second highest number of flood victims in Johor after Segamat. — Bernama



Shahrizan is thankful that all his rabbits have been safely moved to his uncle's house at Felda Batu 27 in Muar. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/1/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

## HANYA RM100 SEBAGAI MODAL, KINI GRADUAN UMK RAIH PULANGAN 5 ANGKA

Nor Azma Muhamat Laila 15 hrs ago

Bermula dengan niat ingin mencuba, akhirnya menjadi punca rezeki sehingga berjaya memiliki kilang sendiri sekali gus membuka banyak peluang pekerjaan kepada ramai suri rumah, pesara dan pekerja profesional untuk mencari pendapatan sampingan.

Percubaan Hassmira Che Omar@Che Hassan berhasil apabila produk makanan Risoles keluaran syarikatnya D'has Food Empire yang dikenali dengan nama RisolesMY Frozen diterima baik sehingga meraih pendapatan bulanan lima angka.

Memulakan operasi perniagaan dengan hanya bermodalkan wang simpanan sebanyak RM100, ternyata strategi pemasaran yang hanya dilakukan dari rumahnya di Banting, Selangor, berjaya memberi impak positif kepada bisnes Hassmira.

Pada awalnya, syarikat yang diusahakan bersama suami, Mohd Dzulkifli Mokhli hanya menjual risoles yang sedia dimakan (ready made) dan sejuk beku (frozen) di kawasan kejiranannya serta kenalan saja.

Katanya, produk itu dibuat secara kecil-kecilan dan tidak menjangkakan ia mula mendapat sambutan ramai walaupun pada permulaannya risoles ini adalah makanan yang agak asing di Malaysia.



"Sebelum ini, risoles amat popular di Indonesia sebagai makanan minum petang dan turut menjadi makanan ringan pilihan keluarga. Sejak itu, saya mendapat idea untuk mengkomersialkan produk ini dengan jenama RisolesMY Frozen.

"Alhamdulillah, melalui strategi pemasaran yang betul, kami berjaya menghasilkan 6,000 hingga 10,000 paket risoles sebulan untuk diedarkan di seluruh negara melalui pengedar dan ejen yang dilantik serta dipasarkan ke 70 buah kedai halalmart di seluruh negara," katanya yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Dan Perniagaan (Perdagangan), Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) itu.

Ditanya mengenai strategi pemasaran perniagaan yang digunakan untuk melonjakkan jualan produk, anak kelahiran Machang, Kelantan itu berkata, media sosial banyak membantu memperkenalkan produknya terutamanya dalam situasi penularan pandemik Covid-19.

Selain itu, beliau juga mempraktikkan ilmu dan kemahiran keusahawanan yang dipelajari di UMK untuk meningkatkan perniagaannya.



Jika sebelum ini, beliau hanya mampu menghasilkan sekitar 100 sehingga 500 paket sahaja sebulan namun dengan strategi pemasaran yang dilakukan itu, pengeluaran produk semakin laju dan keuntungan yang diperolehi juga semakin meningkat.

"Berbekalkan hasil keuntungan pertama yang diperoleh itu, saya mula menaik taraf mesin dan peralatan untuk meningkatkan lagi proses pengeluaran produk kerana mendapat permintaan yang tinggi.

"Kini, seiring dengan permintaan yang meningkat daripada beberapa pasar raya besar seperti Halalmart dan ejen serta stokis, saya meluaskan pengeluaran produk makanan dan berjaya membuka sebuah kilang yang lebih besar untuk peningkatan produksi yang terletak di Jenjarom, Banting, Selangor," ujarnya.

Hassmira turut bercadang untuk mengembangkan perniagaannya ke peringkat yang lebih tinggi dengan menembusi pasaran di pasar raya yang lebih besar dan menjual produk di stesen minyak di seluruh negara.



“Semua kejayaan yang dicapai pada hari ini adalah berkat kesabaran, doa keluarga dan sokongan daripada agensi kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Pertanian dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

“Kunci kejayaan saya adalah fokus pada matlamat yang ingin dicapai di mana usahawan perlu tetapkan satu visi dan misi perniagaan yang jelas supaya kita tahu hala tuju perniagaan yang kita inginkan.

“Oleh itu, saya mencadangkan supaya UMK membentuk Circle Usahawan untuk perkongsian idea, rangkaian, pengalaman dan kemahiran untuk membantu meluaskan serta mengembangkan lagi perniagaan,” tuturnya.

The post Hanya RM100 sebagai modal, kini graduan UMK raih pulangan 5 angka appeared first on GPS Bestari.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/1/2022	UTUSAN HARIAN	ONLINE	

## MALANG MENIMPA PETANI, KEBUN KELAPA, PISANG TIGA EKAR MUSNAH



*ABDUL Said Saimon dan Salina Selamat melihat kebun kelapa dan pisang milik mereka yang terjejas selepas serangan haiwan dan banjir di Kampung Jemari, Mersing. - FOTO/MASTURAH SURADI*

Oleh MASTURAH SURADI

**MERSING:** Malang bertimpa bagi seorang petani yang baru mula berjinak-jinak dalam bidang per-tanian apabila belum selesai masalah kebunnya di-serang gajah liar, kini terpaksa berdepan pula bencana banjir di Kampung Jemari, di sini.

Abdul Said Saimon, 54, berkata, sebelum ini dia yang bekerja sebagai pemandu lori mengambil keputusan berhenti kerja untuk mengusahakan tanah kebun milik keluarga isterinya, Salina Selamat, 50.

Katanya, tanaman pokok kelapa pandan dan pisang bera-ngan yang diusahakan mereka di tanah seluas tiga ekar seakan-akan terbantut apabila berdepan masalah tersebut.

“Dua hari kebun digenangi air akibat hujan lebat, baru kelmarin air surut selepas keadaan cuaca tidak hujan. Paling tinggi paras air jika banjir di kebun ini boleh mencapai hingga ke paras pinggang.

“Kecewa juga kerana saya baru sahaja hendak bertani, tiga tahun usahakan tanaman ini namun musnah akibat banjir. Bahkan sebahagian pokok kelapa pandan yang ditanam belum sempat disulam selepas diserang gajah liar tahun lalu,” katanya ketika ditemui Utusan Malaysia semalam.

Bapa kepada enam orang anak itu berkata, semangatnya untuk memulakan bidang pertanian berkobar-kobar, lebih-lebih lagi selepas mendapat sokongan dan dorongan daripada Jabatan Pertanian Daerah Mersing.

Katanya, agensi tersebut mem--beri bantuan sehingga RM16,000 dalam bentuk input ta-naman, membantu membina sistem saliran bagi menjayakan tanamannya itu.

"Pokok pisang ditanam sebanyak 400 pokok kini hanya tinggal kira-kira 100 pokok sahaja selepas terendam banjir mengakibatkan ia rosak dan berpenyakit, mungkin tumpuan kami selepas ini lebih kepada pokok kelapa sahaja," ujarnya.

"Biasanya dalam tempoh empat tahun sudah boleh keluarkan hasil tetapi kalau macam ini tidak sempat kerana tanaman sering terbantut disebabkan banjir dan serangan haiwan," katanya yang turut membantu isteri yang membuka kedai makan. – UTUSAN

12 JAN, 2022

## High vegetable prices to continue




China Press, Malaysia

Page 1 of 2



# 數因素導致收成歉收 繼續吃貴菜



■ 稳。  
物流問題、水災及氣候不穩定，導致蔬菜價格短期內無法回

(吉隆坡11日讯) 虽然联邦农业销售局昨日指将与农业及食品工业部合作，致力稳定菜价，但大马菜农总会认为，目前有数个因素导致蔬菜收成歉收，因此蔬菜价格预计在一至两个月内回稳的说法不可能成立。

大马菜农总会总会长林仕伟今日接受《中国报》电访时指出，农民目前面对劳力短缺问题、水灾和雨季刚结束的影响，因此导致蔬菜收成歉收。

他说，近来的天气忽冷忽热，也影响蔬菜的收成，因此受到这些因素影响，蔬菜收成肯定减少，不可能增加。

## 致力穩定菜價

他举例，相比以往介于3令吉至6令吉的每公斤售价，市面上的苦瓜和茄子零售价格，目前已是每公斤介于8令吉至9令吉。

他说，相比往年的农历新年，一些蔬菜产量预计将减少40%至50%。

联邦农业销售局主席督莫哈末法兹雅昨日指出，之前蔬菜涨价是受到数项因素影响，如生产国的物流问题、水灾及气候不稳定等，导致供应短缺。

他说，该局如今与农业及食品工业部合作，致力稳定菜价，让消费者可以合理及低廉的价格购买蔬菜。



12 JAN, 2022

## High vegetable prices to continue

---

China Press, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

數因素導致收成歉收 報導·黃繡晶(吉隆坡11日訊) 虽然联邦农业销售局昨日指将与农业及食品工业部合作，致力稳定菜价，但大马菜农总会认为，目前有数个因素导致蔬菜收成歉收，因此蔬菜价格预计在一至两个月内回稳的说法不可能成立。大马菜农总会总会长林仕伟今日接受《中国报》电访时指出，农民目前面对劳力短缺问题、水灾和雨季刚结束的影响，因此导致蔬菜收成歉收。他说，近来的天气忽冷忽热，也影响蔬菜的

Headline	Menumis kejayaan dalam e-dagang		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	12 Jan 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	1,17	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	962 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nazli Ibrahim	AdValue	RM 9,472
Frequency	Weekly	PR Value	RM 28,416



## Usahawan pes tumis popular di Shopee



**WANITA** bangkit walau perniagaan hampir ranap gara-gara hutang puluhan ribu pelanggan

> MUKA 17

Headline	Menumis kejayaan dalam e-dagang		
MediaTitle	Selangorkini		
Date	12 Jan 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	1,17	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	962 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nazli Ibrahim	AdValue	RM 9,472
Frequency	Weekly	PR Value	RM 28,416



“

Hasilnya,  
jenama Shimaz  
Tumisan Bonda  
kini diiktiraf  
antara jualan  
tertinggi di  
Shopee pada  
2021

## Menumis kejayaan dalam e-dagang

Oleh NAZLI IBRAHIM  
Foto AHMAD ZAKKI JILAN

**T**ermangu-mangu Hashima Hassan, 42 melihat angka hutang pelanggan. Hampir mencecah RM50,000. Malah, ada kalangan penghutang telah pun guling tikar.

Fikirannya berserabut. Kekurangan modal pusingan gara-gara hutang lapuk menyebabkan perniagaannya sukar meneruskan operasi.

"Bagaimana hendak kutip hutang orang yang muflis?" Usahawan pes tumis itu kebingungan saat dihimpit masalah pada 2018 ketika baru dua tahun berniaga.

Hashima mengagahkan diri mengutip hutang. Cuma sebahagian kecil dapat dipungut. Terlintas juga untuk berhenti niaga. Namun, sangkaan itu dibuangnya jauh-jauh berkat sokongan ahli keluarga.

Hasilnya, jenama Shimaz Tumisan Bonda kini diiktiraf antara jualan tertinggi di Shopee pada 2021. Produk tanpa pengawet itu juga dipasarkan di pasar raya Segi Fresh dan Kohijrah.

Selain itu, Hashima juga mengenal pasti kesilapannya. Lantaran mentah dalam selok-belok perniagaan, ibu empat anak itu mudah lembut hati memberi hutang. Kerenal beberapa restoran dan penjual yang hutang mereka berpukal-pukal hampir meranapkan perniagaannya.

Mujur suami Khairul Azhar Bahari, 43, yang bekerja dalam bidang komunikasi rela berkorban masa dan tenaga. Berbekal sisa modal, mereka menggandakan pemasaran di media sosial dan Shopee. Perniagaan tersebut bangkit semula.

### Beri percuma

Shimaz Tumisan Bonda bermula dengan modal permulaan RM800. Hashima menghasilkan empat

jenis pes tumisan segera kari ikan, ikan bakar, nasi goreng dan masak lemak secara kecil-kecilan di rumah.

"Mula-mula susah mahu jual. Saya banyak berpercuma kepada jiran, saudara-mara dan kawan-kawan tetapi lame-lame ramai yang beli," katanya kepada Selangorkini di kilangnya di Shah Alam baru-baru ini.

Selepas setahun, Hashima menyewa premis berikutkan perniagaan kian berkembang. Beliau mendapat kepercayaan pelanggan besar yang mempunyai jenama sendiri dan pengusaha rangkaian restoran. Mereka menjenamakan semula produk Shimaz Tumisan Bonda.

Kesungguhan itu mendapat perhatian Exco Usahawan Negeri Selangor, Rodziah Ismail yang membantunya memperoleh mesin steril bernilai RM30,000 pada 2019. Mesin tersebut menjadikan produknya bertahan hingga dua tahun tanpa pengawet.

"Kami tidak guna pengawet supaya lebih sedap. Sebab itulah bila ada mesin steril sangat membantu produk tahan lama," kata Hashima.

Agenzia antaranya Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia dan Jabatan Pertanian turut memberi geran untuk membeli kelengkapan mesin memasak dan membungkus.

### Jualan melonjak

Perniagaannya kian maju. Beliau sekali lagi berpindah ke premis lebih besar di Berjaya Park, Seksyen 32, Shah Alam. Hashima juga meminjam RM5,000 daripada Yayasan Hijrah bagi menambah peralatan di kilang baharu.

Sebuah lagi mesin steril berharga

kira-kira RM60,000 dibeli pada April tahun lalu bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran kepada 1,200 bungkus pes sehari.

Ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada Mac 2020, jualan produknya melonjak sehingga mencecah 11,500 bungkus seminggu.

"Mungkin sebab masa itu orang cuma duduk rumah. Jadi jualan dalam talian melonjak tinggi," kata Hashima.

Bermula empat jenis produk, jenama Shimaz Tumisan Bonda berkembang kepada 20 produk pelbagai pes tumisan segera.

Beliau juga mampu menggaji sembilan pekerja antaranya golongan fakir miskin dan orang kelainan upaya, sesuatu yang diazaminya ketika mula berniaga.





GHAZALI memberi makan rusa timorensis yang ditemaknya di Kampung Pauh, Kuala Berang.

## Ternak rusa berbaloi cepat membiak

**Hulu Terengganu:** Kebiasanya peternak lebih berminat membeli lembu atau kambing, namun berbeza dengan Ghazali Mat, 67, apabila menjalankan penternakan rusa timorensis sejak lima tahun lalu.

Ghazali dari Kampung Pauh, Kuala Berang, di sini, berkata, dia mengeluarkan modal RM20,000 pada 2018 sebagai permulaan dengan membeli 10 ekor rusa timorensis dari Lenggong, Perak. "Dalam tempoh lima tahun, saya memperoleh

termasuk kambing dan lembu. "Selagi banyak induk betina, semakin banyak purata jumlah ternakan bertambah pada setiap tahun," katanya di kandang rusa miliknya, semalam.

Ghazali berkata, kos makanan yang dikeluarkan untuk ternakan pada setiap bulan juga tidak besar berbanding ternakan lain.

"Selain memberi makanan palet, saya juga membetulkan rumput dan sisakan buah-buahan rosak yang dibeli secara borong.

"Rusa-rusa berkenaan dijual pada harga RM3,000 hingga RM7,000 seekor dan ia memang berbaloi," kata-nya yang turut menjual daging rusa segar. Katanya, dia sentiasa memberi galakan kepada orang ramai terutama generasi muda supaya mencuburi bidang penternakan rusa kerana mampu memberi pulangan lumayan.

"Rusa lebih lasak berbanding kambing dan pertumbuhan terhadap daging rusa semakin meningkat dari semasa ke semasa," katanya.

**50**

Bilangan semasa  
rusa yang diternak  
Ghazali

"Selagi banyak induk betina, semakin banyak purata jumlah ternakan bertambah pada setiap tahun," katanya di kandang rusa miliknya, semalam.

Katanya, dia sentiasa memberi galakan kepada orang ramai terutama generasi muda supaya mencuburi bidang penternakan rusa kerana mampu memberi pulangan lumayan.

"Rusa lebih lasak ber-

banding kambing dan permin-

taan terhadap daging rusa

semakin meningkat dari se-  
masa ke semasa," katanya.